

Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan  
25-26 September 2010

## PENERAPAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI POLITEKNIK

Sarebah Warman, Rohayu Roddin, Ahmad Esa, Halizah Awang, Maziana Mohamed, Azmanirah Ab. Rahman

Fakulti Pendidikan Teknikal  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

[sarebah@uthm.edu.my](mailto:sarebah@uthm.edu.my), [rohayu@uthm.edu.my](mailto:rohayu@uthm.edu.my), [ahmad@uthm.edu.my](mailto:ahmad@uthm.edu.my)

### ABSTRAK

*Bidang keusahawanan adalah salah satu bidang yang amat penting dalam menjana ekonomi negara. Kini, Kemahiran keusahawanan merupakan titik tambah kepada pelajar dalam membentuk masa depan mereka. Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat iaitu kecenderungan pelajar dalam bidang keusahawanan dan penerapan kemahiran keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seramai 151 ikorang pelajar semester akhir Diploma Teknologi Maklumat telah dipilih secara rawak sebagai responden kajian ini dari tiga buah politeknik iaitu Politeknik Tunku Omar (POU), Politeknik Seberang Perai (PSP) dan Politeknik Tunku Syed Sirajuddin (PTSS). Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik. Data dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS versi 11.5). Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan dan penerapan kemahiran keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara keseluruhannya adalah sederhana. Selain itu, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penerapan kemahiran keusahawanan di antara jantina. Oleh itu, semua pihak yang terlibat harus memberi perhatian dan mengambil langkah yang sewajarnya untuk terus membantu meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar.*

### Pengenalan

Pada masa kini, kerajaan berhasrat melahirkan lebih ramai lagi usahawan agar negara mampu untuk bersaing dengan pembangunan yang pesat di peringkat antarabangsa seperti di United Kingdom (UK). Perkembangan industri kecil di UK meningkat dua kali ganda dalam tahun 80-an dan pertumbuhan yang mendadak sekitar tahun 1990 (David Deakins, 1999). Pertumbuhan yang menggalakkan ini harus dicontohi bagi mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan sebagaimana yang telah disarankan oleh kerajaan.

Institusi pendidikan dan latihan perlu memainkan peranan dalam membentuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar dalam menjana kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi negara. Menurut Byers (2003), terdapat banyak cara yang boleh dilakukan oleh pihak universiti dalam membantu pelajar menceburi bidang keusahawanan ini. Menurutnya lagi, seorang pelajar memerlukan kemahiran keusahawanan untuk berjaya dalam apa jua bidang yang diceburinya. Ini boleh dirujuk pada ciri-ciri usahawan itu sendiri, di mana seorang usahawan perlulah kreatif, mempunyai daya imaginasi yang tinggi, inisiatif dan mampu membuat perubahan dan menggunakan peluang yang ada dengan baik (Dabson, 2005). Menurut Byers (2003), institut pengajian tinggi boleh melakukan pelbagai cara untuk membantu pelajar-pelajar melibatkan diri secara langsung atau tidak dalam bidang keusahawanan ini seperti menubuhkan kelab usahawan untuk pelajar, penerapan ilmu keusahawanan dalam kurikulum institut pengajian tinggi, menganjurkan seminar keusahawanan dan banyak lagi.

### Pernyataan Masalah

Pada masa kini, masih terdapat segelintir individu yang tidak menceburi bidang keusahawanan ini kerana pada pandangan mereka bidang ini tidak dapat memberikan jaminan masa depan yang cerah seperti mana jika mereka bekerja makan gaji dalam sektor awam mahupun swasta (Yep Putih, 1985). Ini berlaku kerana kurangnya pendedahan terhadap ilmu berkaitan keusahawanan dalam diri pelajar. Namun begitu, menurut Barjayai (2000), kurangnya penglibatan belia dalam bidang keusahawanan ini adalah kerana kurangnya


penghayatan tentang konsep dan falsafah keusahawanan dalam diri individu itu sendiri. Kini, terdapat banyak institusi-institusi pendidikan tinggi yang sedar akan kepentingan penerapam kemahiran keusahawanan diperingkat pengajian tinggi, maka pelbagai cara dan kaedah dilakukan untuk menerapkan ilmu ini bagi menggalakkan pelajar menceburi bidang keusahawanan. Namun begitu, masih terdapat pelajar yang kurang pemahaman tentang konsep keusahawanan yang menyebabkan penglibatan mereka dalam bidang ini masih kurang (Safar, 2000). Menurut Rohaizat (2001), terdapat beberapa faktor utama yang menyebabkan kurangnya penglibatan usahawan dalam bidang keusahawanan ini, iaitu kekurangan modal, kos tetap yang tinggi dan kemelesetan ekonomi. Selain itu, menurutnya lagi terdapat golongan usahawan dari kalangan graduan yang tidak terlibat dalam bidang keusahawanan ini kerana kurangnya ilmu keusahawanan untuk membantu semasa berniaga. Oleh itu, kajian ini adalah perlu bagi mengkaji sejauh manakah penerapan kemahiran keusahawanan dalam proses pembelajaran dan kecenderungan pelajar semester akhir Diploma Teknologi Maklumat di Politeknik dalam menceburi bidang keusahawanan. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat terdapat perkaiatan di antara kemahiran keusahawanan yang telah diterapkan dalam diri pelajar dan kecenderungan pelajar menceburi bidang keusahawanan.

### **Persoalan Kajian**

Beberapa persoalan kajian telah dihasilkan bagi tujuan mencapai matlamat kajian iaitu:

- i) Adakah terdapat perbezaan jantina terhadap penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar.
- ii) Sejauh manakah kecenderungan pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan.
- iii) Sejauh manakah penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar dalam proses pembelajaran.

### Kerangka Konsep Kajian



## **Sorotan Kajian**

### **Ciri-ciri Keusahawanan**

Menurut Aziz dan Zakaria (2004), seseorang individu itu tidak dilahirkan sebagai usahawan dan ciri-ciri keusahawanan ini tidak boleh diwarisi. Seseorang itu boleh menjadi usahawan bila mereka melalui sendiri pelbagai proses yang ada dalam pembangunan usahawan. Untuk menjadi usahawan, seseorang itu memerlukan minat dan kemahiran dalam bidang yang hendak diceburi.

Menurut Mohammed Amin (2001), semua usahawan perlu mengamalkan dan menghayati ciri-ciri usahawan sebagai pegangan, pandangan dan perjuangan pada masa hadapan. Ciri-ciri usahawan yang dimaksudkan di sini ialah bekerja kuat, optimis, mempunyai budaya kerja yang baik, bermotivasi, berkeupayaan mengorganisasikan idea-idea, bertanggungjawab, berorientasikan pada keuntungan dan berkualiti. Melalui amalan yang berterusan terhadap semua ciri-ciri tersebut, maka usahawan akan terus bersemangat dan berkeyakinan tinggi serta mempunyai matlamat yang jelas.

### **Motivasi**

Menurut Saedah et.al (1996), motivasi ialah penggerak kepada kemahuan dan keinginan untuk berjaya atau untuk mencapai sesuatu. Menurutnya lagi, motivasi juga boleh dikatakan sebagai rancangan untuk kejayaan seseorang atau rangsangan untuk mengelakkan diri daripada kegagalan. Seseorang itu dikatakan telah memperoleh kekuatan untuk mencapai kecemerlangan dalam hidup sama ada di dunia atau di akhirat atau kedua-duanya, dikatakan telah mempunyai motivasi.

Di Malaysia, latihan motivasi telah lama dijalankan oleh agensi-agensi tertentu seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara, Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC). Oleh itu, sekiranya latihan motivasi pencapaian diberikan kepada bakal usahawan, kemungkinan besar mereka juga akan mengalami peningkatan dalam motivasi pencapaian mereka.

### **Pendidikan Keusahawanan**

Menurut Keogh dan Gallowa (2004), pendidikan keusahawanan merupakan satu daripada mekanisma yang penting bagi menyediakan pelajar ke arah ekonomi moden, di mana kemahiran perniagaan menjadi penting. Usahawan tidak lahir secara semula jadi atau ia tidak boleh diwarisi kerana ia tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor genetik, namun begitu keusahawanan boleh dibentuk sejak usia muda melalui sistem pendidikan dan sokongan keluarga. Penyataan ini disokong oleh Zaidatol (1997) dan Aziz dan Zakaria (2004). Menurut Zaidatol (1997), bahawa pendidikan formal amat penting bagi seorang usahawan yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi, mempunyai pengalaman yang relevan dan sentiasa mendapatkan nasihat daripada individu yang mempunyai pengalaman. Ini bermakna, kombinasi pengalaman dan pengetahuan adalah berkait rapat.

### **Penerapan Kemahiran Keusahawanan Dalam Pendidikan**

Menurut kajian yang dijalankan oleh Carter & Collinson (1999), institut pengajian tinggi memainkan peranan penting dalam menyediakan pendidikan keusahawanan yang berbentuk formal dalam menggalakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan pelajar. Menurut Nor Aishah (2002), pendidikan keusahawanan berperanan untuk mengenal pasti dan membentuk serta mempengaruhi kanak-kanak yang mempunyai potensi atau ciri-ciri keusahawanan untuk menjadi usahawan.

### **Perkaitan Sikap Seorang Usahawan Dalam Keusahawanan**

Menurut Zainal et.al. (2007), menyatakan terdapat sikap-sikap yang penting dalam individu yang ingin menceburi bidang keusahawanan. Antara sikap yang diperjelaskan adalah seperti:

- i. Inisiatif
- ii. Melihat dan merebut peluang
- iii. Kecekalan
- iv. Mencari maklumat
- v. Menitikberatkan mutu kerja yang tinggi
- vi. Komitmen terhadap perjanjian kerja
- vii. Berorientasikan ke arah kecekapan
- viii. Membuat perancangan yang sistematik
- ix. Ketegasan
- x. Meyakinkan orang lain
- xi. Menggunakan strategi-strategi pengaruh

### **Analisis Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan adalah melalui kaedah pengedaran borang kaji selidik dan temubual. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian berkomputer iaitu SPSS (Statistical package for social science).

### **Analisis Penerapan Kemahiran Keusahawanan Berdasarkan Jantina**

Ujian-t digunakan bagi membezakan jantina pelajar dalam penerapan kemahiran keusahawanan. Hasil analisis menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan bagi jantina pelajar dalam penerapan kemahiran keusahawanan di politeknik.

### **Analisis Tahap Kecenderungan Pelajar Bidang Keusahawanan**

Hasil analisis menunjukkan bahawa skor min keseluruhan ialah 3.13 dengan sisihan piawai sebanyak 0.87. Ini bermakna tahap kecenderungan pelajar dalam bidang keusahawanan berada pada tahap yang sederhana.

### **Analisis Penerapan Kemahiran Keusahawanan dalam Proses Pembelajaran**

Hasil analisis dari aspek pengetahuan menunjukkan bahawa skor min keseluruhan ialah 3.15 dengan sisihan piawai sebanyak 0.82. Ini bermakna tahap penerapan kemahiran keusahawanan berdasarkan pengetahuan pelajar berada tahap yang sederhana. Hasil analisis bagi ciri-ciri usahawan menunjukkan bahawa skor min keseluruhan 3.36 dengan sisihan piawai 0.78. ini bermakna tahap penerapan kemahiran keusahawanan berdasarkan ciri-ciri pelajar berada pada tahap yang sederhana. Hasil analisis bagi aspek kemahiran menunjukkan bahawa skor min keseluruhan 3.50 dengan sisihan piawai 0.76. ini bermakna tahap penerapan kemahiran keusahawanan berdasarkan kemahiran pelajar berada pada tahap yang sederhana. Hasil analisis bagi aspek sikap menunjukkan bahawa skor min keseluruhan 3.95 dengan sisihan piawai 0.73. ini bermakna tahap penerapan kemahiran keusahawanan berdasarkan sikap pelajar berada pada tahap yang sederhana.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhan, dapatlah dirumuskan bahawa penerapan kemahiran keusahawanan dan kecenderungan dalam bidang keusahawanan bagi pelajar memperoleh keseluruhan skor min yang sederhana. Dalam kemahiran keusahawanan, terdapat beberapa aspek dikaji iaitu berdasarkan pengetahuan, kemahiran, ciri-ciri dan sikap. Daripada keempat-empat aspek ini, seseorang pelajar perlu menguasai kemahiran keusahawanan sebelum menceburi bidang ini. Penerapan kemahiran keusahawanan kepada pelajar boleh dilaksanakan dalam bidang pendidikan. Kementerian Pengajian Tinggi telah memperkenalkan modul kemahiran insaniah yang dilaksanakan di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Modul ini juga merangkumi kemahiran keusahawanan, kemahiran komunikasi, berkumpulan dan lain-lain lagi. Ini perlu untuk membentuk pelajar yang bukan sahaja mahir dalam bidang pengkhususan tapi juga lengkap dengan kemahiran insaniah.

## **Rujukan**

- Ab. Aziz Yusof dan Zakaria (2001). "Prinsip Keusahawanan: Satu Penilaian". Edisi Kedua. Pearson Prentice Hall.
- Barjoyai Bardai (2000). "Keusahawanan Perniagaan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Brian dabson (2005). "The Meaning of Entrepreneurship". Texas: Rural Policy Research Institute.
- Carter, Sara & Collinson, Elaine (1999). "Entrepreneurship Education; Alumni Perceptions of the Role of Higher Education Institutions. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 6, (3), 229-239.
- Deakins D. (1999). "Entrepreneurship and Small Firms", Cetakan Kedua. United Kingdom, McGraw-Hill Publishing Company.
- Khairudin Khalil (1996). "Keusahawanan sebagai Kerjaya". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Meyer, Earl C. and Allen, Kathleen R. (2002). "Entrepreneurship: Entrepreneurial Development within organization". South-Western: Harcourt College Publishers.
- Nor Aishah Buang (2002). "Asas Keusahawanan". Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rohaizat Baharum (2002). "Kejayaan atau Kegagalan dan Perniagaan". *Dewan Ekonomi*. Jun 2001. m/s 36-38.
- Saedah Siraj, Zainon Ishak dan Tunku Mohani Tunku Mokhtar (1996). "Motivasi dalam pendidikan". Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Zaidatul Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias (2000). *Pengajaran-Pembelajaran, Perdagangan, keusahawanan dan Ekonomi Asas*". Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Tom Byers (2003). "Teaching Entrepreneurship to Engineers & Scientists". Stanford Technology University: Price Babson.
- Zainal Abidin Mohamed et.al (2007). "Modul Asas Pembudayaan Keusahawanan".